

**Pengurusan Agihan Wang Zakat Perlu Lebih Proaktif, Kata Muhyiddin Bernama
17 Ogos, 2011**

KUALA LUMPUR, 17 Ogos (Bernama) -- Pengagihan wang tabung zakat perlu diuruskan dengan lebih proaktif bagi memastikan mereka yang layak dapat menerima sumbangan itu dan tidak memohon kepada pihak lain.

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata langkah itu juga dapat memastikan dana tersebut digunakan sepenuhnya untuk membantu golongan yang memerlukan.

Sambil memberi contoh wang zakat terkumpul bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang berjumlah RM275 juta setahun, beliau berkata dana institusi kewangan Islam itu mampu membantu menangani masalah kemiskinan tegar dan kemiskinan bandar jika diuruskan dengan baik.

"Wang itu boleh dimanfaatkan kepada orang Islam tetapi pengurusan kena proaktif...turun ke bawah, kenal pasti (golongan yang memerlukan).

"Kalau nak tunggu orang datang, mungkin ada sesetengahnya malu atau segan, lepas tu dia pergi tempat lain atau minta sedekah sedangkan kita ada tabung yang boleh digunakan," katanya selepas melancarkan Nur Ramadan dan Sumbangan Enam Asnaf anjuran Parlimen Setiawangsa di Masjid Mu'adz Bin Jabal di sini.

Muhyiddin berkata agihan wang zakat bukan sekadar bantuan wang tunai tetapi juga boleh dilakukan dengan membangunkan kemudahan perniagaan untuk pihak berkenaan.

Beliau berkata pihak yang menguruskan agihan dana daripada institusi Islam juga perlu bertindak lebih efektif bagi menepis gambaran mereka yang tidak memperoleh agihan itu tersisih, akhirnya mendorong mereka mendapatkan bantuan daripada institusi lain seperti yang dilaporkan akhbar baru-baru ini.

Menurutnya isu sukar mendapatkan bantuan zakat sepatutnya tidak timbul lagi namun ia mungkin berlaku kerana pihak pengurusan dan organisasi berkenaan ingin memastikan bahawa penerima tidak terkeluar daripada asnaf.

Terdahulu dalam ucapannya, Muhyiddin menyarankan agar semua pihak komited melakukan sesuatu secara tersusun termasuk menyediakan tenaga kerja mahir dalam melihat masalah kemiskinan masyarakat.

Menerusi kepakaran dan gerak kerja tersusun, katanya organisasi bertanggungjawab boleh mengenal pasti dan menyimpan rekod mereka yang benar-benar tergolong dalam kumpulan berkenaan yang layak menerima bantuan.

Muhyiddin yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan berkata Malaysia mempunyai rekod mengenai penduduknya yang miskin berbanding banyak negara lain.

Beliau meminta Umno Wilayah Persekutuan mengetuai usaha kerajaan dalam mengenal pasti golongan yang ditakrifkan miskin khususnya miskin bandar.

Katanya sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, Barisan Nasional (BN) tidak mahu

melihat keadaan itu terus berlaku kerana soal kemiskinan bandar tidak harus dipandang ringan.

"Saya selaku Timbalan Perdana Menteri tidak mahu melihat Kuala Lumpur sebagai bandar raya yang hebat tetapi masih ada masyarakat yang susah dan hidup merempat," katanya.

Pada majlis itu, Muhyiddin turut menyampai sumbangan JAWI dan Lembaga Padi Beras Nasional Berhad kepada 715 anak yatim, ibu tunggal, warga emas, orang kelainan upaya, fakir miskin dan pesakit kronik.

-- BERNAMA

2011 Hakcipta BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=608857>